

23/06/1999

Gandingan parti BN sukar ditandingi

Makmor Tumin

SUDAH ramai terasa bahang pilihan raya umum ke-11 yang perlu diadakan sebelum tempoh Parlimen sekarang tamat pada Jun tahun depan.

Kebiasaannya, penganalisis politik berminat untuk mengkaji faktor yang mendorong pengundi menyokong seseorang calon atau sesebuah parti. Umumnya, ada tiga aspek utama yang dikaji iaitu personaliti calon, ideologi atau manifesto parti dan isu yang diperjuangkan calon atau parti berkenaan.

Seringkali juga disebut pengundi di negara membangun lebih dipengaruhi oleh ideologi parti politik daripada isu yang diperjuangkan calon dan parti berkenaan.

Namun, mengikut analisis terbaru didapati ketiga-tiga aspek itu tidak lagi menjadi angkubah terpenting mempengaruhi keputusan pengundi. Keputusan pengundi bagi menyokong seseorang calon atau sesebuah parti lebih dipengaruhi oleh prestasi calon dan parti yang memerintah memastikan pertumbuhan ekonomi. Ini membawa maksud, semakin yakin pengundi terhadap pertumbuhan besar ekonomi, bertambah besar kemungkinan calon dan parti kerajaan yang memerintah untuk terus memerintah.

Apabila ekonomi negara meleset pada pilihan raya 1986, parti pembangkang meraih jumlah kerusi yang agak tinggi berbanding ketika ekonomi berkembang. Keputusan pilihan raya 1995 yang lalu menjelaskan lagi keadaan mengenai hubung kait antara faktor pertumbuhan ekonomi dengan kemenangan parti yang memerintah, dalam sesebuah pilihan raya.

Seperti yang dilaporkan baru-baru ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan keyakinannya bahawa Keluaran Dalam Negara Kadar (KDNK) akan mencatat pertumbuhan lima peratus tahun depan selepas mengalami aliran positif pada kadar satu peratus tahun ini. Sehubungan itu, Dr Mahathir berkata, kerajaan menambah RM2.2 bilion lagi untuk membiayai pelbagai rancangan pembangunan negara mengikut kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Ketujuh (RM-7) bagi mempercepatkan pemulihan ekonomi dan mengembalikannya kepada pertumbuhan mapan.

Laporan mengenai keyakinan Perdana Menteri berkenaan, memberi kesan begitu mendalam terhadap persepsi rakyat mengenai pertumbuhan ekonomi negara. Malah, ramai yang inginkan agar semua pihak bekerjasama dengan kerajaan bagi memastikan pertumbuhan ekonomi terus berkembang supaya mencapai tahap lima peratus seperti yang dijangka tahun depan. Tidak dapat dinafikan bahawa keyakinan rakyat terhadap pertumbuhan ekonomi adalah penting bagi memastikan ekonomi terus berkembang khususnya dalam pasaran saham dan perdagangan.

Sudah tentu keyakinan pihak asing terhadap pertumbuhan positif ekonomi negara memberi sumbangan besar, terutama dalam sektor pelaburan. Justeru perubahan pandangan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) dan firma penarafan Moody's Investors Service daripada keadaan pencapaian buruk ekonomi yang diramal kepada pencapaian yang lebih positif, menambahkan lagi keyakinan rakyat dan pengundi terhadap pertumbuhan ekonomi negara.

Pertumbuhan ekonomi yang positif menambah keyakinan rakyat terhadap pertumbuhan ekonomi negara, malah meningkatkan sokongan majoriti pengundi terhadap kerajaan Barisan Nasional (BN) yang memerintah. Memang tidak dapat dinafikan ada media terus-menerus menggambarkan keadaan ekonomi yang sebaliknya. Namun, majoriti rakyat tidak menerima pandangan negatif begini dan cenderung melihatnya sebagai pandangan terpinggir sebab mereka dapat melihat dan mengamati sendiri keadaan sebenar.

Ketika bahang pilihan raya semakin terasa, semua parti politik bersiap

sedia bagi memastikan kemenangan masing-masing. Barisan Nasional (BN) dijangka tidak menghadapi banyak masalah besar untuk menang dalam pilihan raya akan datang sekiranya laporan positif mengenai pertumbuhan ekonomi diutamakan.

Kekuatan yang ada pada BN bukan semata-mata ditentukan oleh faktor pertumbuhan ekonomi tetapi gabungan pelbagai parti di dalamnya terbentuk dalam satu wadah dan ideologi yang sepakat, bukan saja ketika musim pilihan raya malah pada masa lain. Selain popular, kebanyakan pemimpin dalam kerajaan berwibawa, berpengalaman dan berkemahiran dalam menangani isu, khususnya isu pembangunan negara dan perpaduan nasional.

Gabungan kental sedemikian sukar diwujudkan oleh parti pembangkang lantaran memiliki pelbagai ideologi bertentangan. Bukan itu saja, kebanyakan mereka tidak mempunyai kekuatan yang terbukti keberkesannya. Namun, ada pihak yang menjangka BN akan menghadapi masalah yang besar pada pilihan raya kali ini. Pandangan sedemikian dikaitkan dengan isu pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam kerajaan dan Umno.

Wujud golongan yang memperjuangkan isu yang berlegar di sekitar tema 'keadilan' dan 'perubahan' yang sebahagian besarnya dilaungkan oleh Parti Keadilan Nasional (keADILan), bersama beberapa pertubuhan lain, termasuk badan bukan kerajaan (NGO).

Sekiranya isu perpecahan Umno yang membawa kepada pengharamannya pada 1988 serta kemenangan BN dengan majoriti dua pertiganya dalam pilihan raya 1990 boleh dijadikan perbandingan isu, isu 'keadilan' dan 'perubahan' yang dilaungkan oleh gabungan sebahagian parti pembangkang kali ini tidak dapat dianggap sebagai sesuatu ancaman yang terlalu besar.

Dalam analisis politik, berlaku atau tidaknya perpecahan sesuatu kelompok dalam masyarakat sering diukur berdasarkan sama ada berlaku atau tidak keretakan atau perpecahan di kalangan elit dalam kumpulan masyarakat berkenaan.

Ertinya, jika semakin ramai golongan elit terpecah dalam sesuatu kelompok masyarakat, maka semakin besar dan parahlah perpecahan yang berlaku pada kumpulan masyarakat berkenaan.

Memang tidak dapat dinafikan wujud perpecahan besar di kalangan elit Melayu kesan daripada perpecahan dan pengharaman Umno pada 1988. Bukan saja elit politik dan pentadbir Melayu terpecah-pecah, malah perpecahan berkenaan turut berlaku dalam masyarakat bawahan, sehingga di kalangan segolongan pihak istana.

Namun, keretakan sedemikian kelihatan tidak berlaku dalam isu terbaru berkaitan pelucutan jawatan dan pemecatan keahlian Anwar tahun lalu.

Sebaliknya, BN dengan isu pembangunan dan perpaduannya terus mendapat sokongan rakyat pada semua pilihan raya umum sebelum ini. Keyakinan rakyat terutama pengundi mengenai kebolehan kerajaan BN memulihkan ekonomi dengan pantas berbanding negara lain, bakal menjadi faktor penentu kemenangan BN pada pilihan raya datang.

(END)